



07 SEP, 2020

## 500 penduduk lega dapat beli bekalan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# 500 penduduk lega dapat beli bekalan

PST beri kemudahan kepada ketua keluarga di kawasan PKPD Pentadbiran dapat beli barangan harian

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI



Penduduk berbaris untuk membeli barangan keperluan dengan mengamalkan jarak fizikal antara satu sama lain.

Kira-kira 500 penduduk terjejas di Kenanga 9, Ambangan Heights yang dikawal ketat akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran meluahkan perasaan lega apabila mampu mendapatkan bekalan keperluan harian dengan penganjuran Pasar Segar Terkawal (PST) dalam kawasan perumahan mereka kelmarin.

Seorang penduduk, Ahmad Naufal Abdullah, 38, berkata, sejak larangan keluar zon dikuatkuasakan, ketua keluarga yang dipakaikan gelang warna putih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut tidak dibenarkan keluar dari zon perumahan terbabit.

Menurutnya, ia mendatangkan kesukaran untuk mendapatkan barangan keperluan harian memandangkan kedai runcit mahupun premis menjual barangan lain terletak di Zon Melor, kira-kira dua kilometer dari perumahan mereka.

“Alhamdulillah, atas inisiatif persatuan penduduk dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga dibenarkan memasarkan jualan melalui PST.

“Kami bersyukur dengan tindakan proaktif yang telah diambil ke-

rana sebelum ini, perlu ke Zon Melor dan berbaris panjang untuk membeli.

“Apabila arahan larangan keluar zon bermula pula, kami tak boleh ke mana-mana namun penganjuran PST dalam kawasan perumahan kami memberi kemudahan dan penyelesaian sekali gus akur arahan pihak berkuasa supaya tidak keluar rumah dan berada di zon masing-masing,” katanya.

Menurutnya, inisiatif itu telah memberi kemudahan kepada ketua keluarga mendapatkan bekalan makanan terutama barangan segar seperti ikan, ayam dan sayur bagi meneruskan perintah kuarantin yang masih berbaki.

Sementara itu, peniaga sayur, Mohd Shahril Helmi Mat Saad, 35, berkata, penganjuran PST di kawasan PKPD Pentadbiran dilihat sebagai salah satu cara membantu penduduk mendapatkan bekalan.

Menurutnya, walaupun bimbang untuk memasuki kawasan PKPD Pentadbiran, namun pihaknya yakin semuanya selamat kerana pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP).

Bagi peniaga ikan, Mohd Kha-

iril Zafri Bakri, 40, walaupun ramai peniaga enggan menyertai PST kerana bimbang penularan koronavirus (Covid-19) tetapi beliau mahu membantu penduduk terjejas mendapatkan bekalan ikan dengan niat menjual sambil membantu dan bertawakal.

“Semalam (kelmarin), jualan di zon tertentu termasuk Kenanga 9 agak menggalakkan. Jika ada permintaan, kami akan memberi kerjasama bergantung kepada keperluan penduduk,” katanya.

Sambutan menggalakkan terhadap operasi PST di Zon Mawar di kawasan PKPD Pentadbiran di Amanjaya, Kedah sebelum ini mendorong FAMA membuka operasi pasar berkenaan di Zon Kenanga.

Difahamkan, PST akan dianjurkan semula di Kenanga 9 Selasa ini bagi membekalkan barangan keperluan kepada penduduk terjejas.

Penduduk Kenanga 9 antara lebih 20,000 penduduk terjejas yang tinggal di Zon Kenanga, Melor dan Mawar, Ambangan Heights, Bandar Amanjaya yang diperintahkan kuarantin sejak PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan kerajaan bermula 28 Julai hingga 10 September 2020.



07 SEP, 2020

## 500 penduduk lega dapat beli bekalan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PST beri kemudahan kepada ketua keluarga di kawasan PKPD Pentadbiran dapatkan barangan harian

Kira-kira 500 penduduk terjejas di Kenanga 9, Ambangan Heights yang dikawal ketat akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran meluahkan perasaan lega apabila mampu mendapatkan bekalan keperluan harian dengan penganjuran Pasar Segar Terkawal (PST) dalam kawasan perumahan mereka kelmarin.